

Headline	Swak masih ketinggalan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	28 Mar 2012	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	414 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,545
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,635



# Tanaman pokok karas dan pengeluaran gaharu secara komersial S'wak masih ketinggalan

NORLIZA TINGGAL

KUCHING, Selasa — Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) disaran supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri Sarawak bagi mendapatkan pembekal anak benih pokok karas, di samping melantik syarikat pembekal anak benih dan bahan inokulasi yang berkualiti dan bernilai untuk wang.

Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan dan Bumiputera), Mohd. Naroden Majais berkata, Sarawak masih ketinggalan dalam penanaman pokok karas dan pengeluaran gaharu.

Menurutnya, setakat ini tidak

ada ladang karas yang diusahakan secara komersial di Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung.

"Walaupun industri itu mampu menjanjikan peluang lumayan kepada pengusaha. Pokok ini hanya ditanam secara kecil-kecilan seperti di Bau, Padawan, Sri Aman dan Kuching dengan keluasan 2 hingga 10 ekar," katanya pada Majlis Penutupan Kursus Tanaman Pokok Karas di Pusat Penerangan Islam hari ini.

Beliau berkata, tanaman gaharu berpotensi untuk diusahakan kerana mampu memberi pulangan

yang besar dan lumayan kepada pengusaha.

Katanya, ia mampu memberi hasil pulangan (ROI) dari 113 peratus hingga 130 peratus.

"Setakat ini Malaysia merupakan negara pembekal kedua karas terbesar dunia selepas Indonesia harga bagi Kayu gred "Super King" atau Double Super boleh mencecah hingga RM20,000 sekilo," katanya.

Menurutnya, selain menjual gharu, pengusaha boleh memproses gaharu untuk dijadikan minyak gaharu yang boleh dijual antara RM300 hingga RM500 sebotol.

Katanya, hampas gaharu juga

boleh diproses untuk dijadikan colok serta cenderahati.

"Melihat kepada faktor ini, saya yakin tanaman karas ini amat berpotensi untuk dikembangkan di Sarawak memandangkan kita mempunyai tanah yang luas selain faktor cuaca yang sesuai untuk tanaman karas," katanya.

Jelasnya, pokok karas boleh ditanam di mana-mana kawasan yang sesuai dengan pokok getah, malah belakang rumah pun boleh ditanam dengan pokok itu.

"Penduduk di negeri ini harus merebut peluang untuk mengusahakan tanaman ini secara komersial," katanya.



**PENYERTAAN ...** Datuk Haji Mohd Naroden Majais bersama Hajah Nancy Haji Shukri merakamkan gambar kenangan bersama peserta selepas merasmikan penutupan Kursus Asas Tanaman Karas di Pusat Penerangan Islam, di Kuching, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI